

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD**  
**KAWASAN : LIPIS**  
**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan polisi pengenaan tol dan kadar bayaran tol yang akan dikenakan oleh Kerajaan bagi Lebuh Raya Persisiran Pantai Barat (WCE) Banting-Taiping Seksyen 8 dari persimpangan Hutan Melintang ke Teluk Intan yang telah dibuka pada Aidilfitri baru-baru ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jajaran pertama lebuh raya yang telah dibuka kepada orang awam iaitu di Seksyen 8 (Hutan Melintang – Teluk Intan), Lebuh Raya Persisiran Pantai Barat (WCE) tidak akan dikenakan bayaran tol sehingga pihak Kerajaan membuat keputusan berkenaan polisi pengenaan tol serta kadar tol bagi lebuh raya tersebut.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI  
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

**TARIKH : 17.7.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 56**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :

- (a) apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang bagi daerah-daerah yang diberikan tumpuan dalam program-program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar khususnya di Sabah; dan
- (b) apakah jenis-jenis program yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian khususnya di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018 – 2023 (PHPLB) yang telah dilancarkan pada 29 Oktober 2018 menggariskan sebanyak enam (6) Teras iaitu Prasarana, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan, Wanita dan Sistem Penyampaian. Sebanyak 29 Strategi dan 94 Program telah dirancang bagi tempoh lima (5) tahun ini yang dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 7.89 juta penduduk luar bandar termasuk di negeri Sabah.

Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk jangka masa pendek adalah memberi tumpuan pembangunan secara fizikal dan bukan fizikal seperti pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur asas luar bandar, ekonomi, keusahawanan, modal insan dan wanita.

Manakala, salah satu inisiatif baharu yang dirancang untuk jangka masa panjang di negeri Sabah adalah memberi tumpuan pembangunan di lima (5) daerah termiskin, terpinggir dan mundur iaitu Tongod, Pitas, Kota Marudu, Kudat dan Beluran.

b) Pada tahun 2019, KPLB telah diperuntukkan sebanyak RM1.135 billion bagi pembangunan program dan projek di negeri Sabah. Antara program dan projek yang sedang giat dilaksanakan adalah:-

**Program Fizikal**

- a. Jalan Luar Bandar (JALB), peruntukan sebanyak RM316.9 juta bagi pelaksanaan 81 projek;
- b. Bekalan Air Luar Bandar (BALB), peruntukan sebanyak RM198.7 juta bagi pelaksanaan 65 projek;
- c. Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), peruntukan sebanyak RM430.09 juta bagi pelaksanaan 15 projek;
- d. Jalan Perhubungan Desa (JPD), peruntukan sebanyak RM20 juta bagi pelaksanaan 95 projek;
- e. Program Ameniti Sosial (PAMS), peruntukan sebanyak RM10 juta bagi pelaksanaan 63 projek; dan
- f. Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), peruntukan sebanyak RM51.3 juta bagi pelaksanaan 2,190 projek.

**Program Bukan Fizikal**

- a. Program Latihan Pembangunan Usahawan dan Program Pembiayaan Perniagaan melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) serta Pemerkasaan pendidikan pra-sekolah melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Sehubungan itu, KPLB amat yakin bahawa pembangunan yang dirancang ini bukan sahaja dapat menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup ke satu peringkat yang lebih tinggi lagi, malahan turut dapat memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah masyarakat luar bandar khususnya di negeri Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
[LIMBANG]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 57**

**TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG] minta  
MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) bilakah Kementerian akan memulakan pembinaan blok pakar serta kelengkapannya di Hospital Limbang yang amat diperlukan oleh penduduk Limbang; dan
- (b) dapatkah Kementerian menempatkan seorang pakar surgeri di Hospital Limbang sementara menunggu pembinaan blok pakar.

## **JAWAPAN**

### **Yang di-Pertua,**

Hospital Limbang merupakan sebuah hospital pakar minor berkapasiti 100 katil. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan untuk menaiktaraf kemudahan serta perkhidmatan sedia ada di Hospital Limbang. Sehubungan itu, dalam RMK-11 telah diluluskan projek pembinaan blok baru NICU (12 katil) di Hospital Limbang yang sedang di peringkat perancangan rekabentuk.

KKM sememangnya mempunyai perancangan untuk membina blok pakar di Hospital Limbang. Cadangan ini akan dikemukakan untuk pertimbangan agensi pusat di dalam RMK-12 yang akan datang.

### **Yang di-Pertua,**

KKM sentiasa berusaha untuk menambahkan bilangan doktor pakar termasuklah doktor Pakar Surgeri di Hospital Limbang. Buat masa ini, perkhidmatan kepakaran Surgeri di Hospital Limbang diberikan secara lawatan setiap bulan. Di samping itu, bagi memastikan perkhidmatan surgeri diberikan secara berterusan di Hospital Limbang, perkhidmatan tersebut juga diberikan oleh pegawai perubatan yang telah dilatih dalam bidang tersebut.

KKM juga telah memperkenalkan konsep *Global Surgery* Bagi meningkatkan akses kepada Perkhidmatan Pembedahan dan Anestesia yang selamat dapat diberikan kepada pesakit walaupun hospital yang dilawati tidak bertaraf pakar. Ianya sejajar dengan kenyataan *World Health Organization* (WHO) untuk meningkatkan akses perkhidmatan ini pada tahun 2030.

KKM telah mengambil inisiatif untuk memperluaskan konsep ini kepada hospital-hospital tanpa pakar. Pegawai-pegawai Perubatan yang berkhidmat di hospital tanpa pakar akan diberikan latihan intensif

dalam menjalankan Perkhidmatan Pembedahan dan Anestesia yang selamat oleh pakar-pakar yang berkhidmat di hospital berpakar yang terdekat sehingga mereka ini memiliki kompetensi yang sewajarnya. Justeru itu, Hospital Limbang tidak akan ketinggalan untuk diambil kira sebagai salah satu hospital yang akan dilibatkan di dalam konsep *Global Surgery* dalam masa akan datang.

Sekian, terima kasih.